



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 14 Tahun 2017

**INSENTIF BAGI PEMEGANG BIASISWA STAF YANG MENAMATKAN
PENGAJIAN PERINGKAT DOKTOR FALSAFAH (PhD) DALAM TEMPOH
PENGAJIAN ASAL YANG DILULUSKAN**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pemberian insentif bagi pemegang biasiswa staf yang menamatkan pengajian dalam tempoh pengajian asal yang diluluskan.

LATAR BELAKANG

2. Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan ke-201 bertarikh 7 Disember 2016 bersetuju meluluskan penetapan kadar pemberian insentif bagi Pemegang Biasiswa Staf yang menamatkan pengajian dalam tempoh asal yang diluluskan.

3. Jawatankuasa seterusnya bersetuju pemegang biasiswa (Staf Akademik dan Pentadbiran) peringkat Doktor Falsafah (PhD) sahaja yang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh asal pengajian yang diluluskan tanpa mengambil kira tempoh pengajian yang terputus kerana penangguhan atau pelarasan tempoh dengan syarat pemegang biasiswa mengemukakan bukti tamat pengajian daripada tempat pengajian akan diberi insentif seperti berikut:

- i. Staf akademik yang tamat pengajian dalam tempoh asal 36 bulan diberikan insentif berbentuk geran penyelidikan berjumlah RM20,000.00.
- ii. Staf pentadbiran yang tamat pengajian dalam tempoh asal 36 bulan yang diluluskan diberikan insentif berbentuk latihan atau geran penyelidikan sebanyak RM10,000.00.

PELAKSANAAN

4. Pemegang biasiswa staf yang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh yang telah ditetapkan (Graduate On Time) perlu membuat permohonan melalui Bahagian Kemajuan Kerjaya, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar untuk mendapatkan insentif tersebut dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh tamat pengajian.

TARIKH DIKELUARKAN

5. Pekeliling dikeluarkan pada 27 April 2017.

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.



AZIDA AZMI
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan
Semua Rektor Kampus Negeri

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 14/20176)